

Pergolakan tetap dihadapi

BH-6/5/2007

TUN Dr Ismail Abdul Rahman berkempen di Johor untuk pilihan raya 10 Mei 1969, menyeru supaya memilih kerajaan yang kuat dan bersatu dipimpin satu parti dan mengingatkan rakyat jangan sampai memilih kerajaan campuran, seperti di Indonesia.

Apabila berkempen membantu calon Perikatan berketurunan Cina yang bertanding bagi kerusi Parlimen Muar Pantai dan kerusi negeri Bandar Maharani, Ismail menyeru Parti Tindakan Demokratik (DAP) dihalau 'balik ke Singapura supaya tidak membuat keliru dalam fikiran rakyat Malaysia' dan berkata, cogan kata 'Malaysian Malaysia' diketengahkan parti pembangkang adalah ciptaan Singapura.

Dr Ismail menang besar di kawasan pilihan raya Johor Timur, memperoleh 9,639 undi berbanding 2,419 untuk lawannya daripada Pas. Namun, Perikatan terus menderita kekalahan demi kekalahan. Keadaan mula tegang apabila parti pembangkang menyambut kemenangan

dengan tunjuk perasaan di Kuala Lumpur, hingga mendorong Tun Abdul Razak Hussein meminta Dr Ismail kembali memegang jawatan Menteri Dalam Negeri. Angin kekacauan mula bertiup. Dr Ismail sedar kerajaan berdepan dengan bunga krisis dan kerana itulah dia sanggup menerima permintaan Razak, asalkan Tunku Abdul Rahman bersetuju.

Memang jelas Tun Razak percaya pada Dr Ismail. Beliau sanggup bersara kerana masalah kesihatan sedangkan usianya masih muda. Itu membuktikan beliau sendiri tidak mengejar pangkat politik.

Kempen pilihan raya 1969 begitu unik kerana tiada persoalan keselamatan negara belum selesai. Sebaliknya keadaan dipenuhi persoalan sensitif mengenai hubungan kaum, bahasa dan hak istimewa. Jika dibandingkan, kempen pilihan raya 1955 bertumpu pada soal merdeka, 1959 isunya ialah tindak-tanduk Komunis dan usaha Perikatan mengukuhkan kedudukan sebagai

wakil tiga kaum utama. Pilihan raya 1964 diwarnai pencerobohan Indonesia dan ketegangan antara PAP di Singapura dengan Perikatan.

Suasana dalam negeri kian bergolak. Keputusan pilihan raya 1969 mencatatkan semakin merosotnya sokongan Perikatan sejak 1955. Peratus undi diraihnya kali ini jatuh daripada kira-kira 58 peratus menjadi 48 peratus, dengan 23 kerusi Parlimen terlepas ke tangan pembangkang. Perikatan tidak lagi memegang majoriti dua pertiga yang selama ini digunakan untuk membuat pindaan Perlembagaan. Pemegangnya ialah Pas, DAP, dan Parti Gerakan Rakyat Malaysia. MCA, parti komponen terbesar dalam Perikatan, menderita kekalahan paling teruk. Peristiwa ini membantu mengubah susunan kuasa politik Malaysia buat selama-lamanya.


Tunku berkata, dia mengumumkan Kabinetnya tidak lewat dari 13 Mei. Ramai menyangka kerajaan campuran DAP-Gerakan menggantikan Perikatan di negeri penting, Selangor. Pada petang 13 Mei baru Gerakan menjelaskan kepada umum bahawa parti itu tetap 'berkecuali' dalam Dewan Undangan Negeri Selangor. Dengan itu dapatlah Perikatan membentuk kerajaan minoriti. Sementara itu, Presiden MCA, Tan Siew Sin, yang kalah teruk menanggung kritikan bertalu-talu oleh ahli Umno.

Pada jam 2 petang, selepas mesyuarat darurat Jawatankuasa Kerja Pusat parti, Tan mengumumkan menerima keputusan pilihan raya, MCA tidak menyertai kerajaan Perikatan lagi, namun tetap menyokongnya dalam Parlimen.

Dr Ismail mendengar berita pergolakan itu daripada isterinya, yang mendengar berita daripada isteri Tan Siew Sin. Beliau sangat terkejut. Tan berkata, Dr Ismail datang terus ke rumah saya, menggesa saya menimbang semula pendirian kami. Dr Ismail mahu Tan sekurang-kurangnya tetap menyertai kerajaan.

Beliau mengingatkan Tan jika MCA menarik diri, kelak perpecahan bertambah buruk dan itulah dinanti-nantikan kalangan pelampau Melayu dan Cina. Pertumpahan darah pasti terjadi. Malangnya, sudah terlambat, berita itu diumumkan secara rasmi.

Rusuhan kaum meletus pada malam 13 Mei, sebelum sempat Dr Ismail membuat keputusan kembali menyertai kerajaan. Pada pengamatannya, satu punca langsung mencetuskan keganasan ialah perasaan panik dalam Perikatan. Satu lagi ialah tunjuk perasaan diadakan parti pembangkang untuk merayakan kemenangan mereka.



JASA DIKENANG: Orang ramai menyaksikan upacara pengkebumian pemimpin negara, Dr Ismail pada 3 Ogos 1973.